



TEKS UCAPAN
YB. DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU
MENTERI BELIA DAN SUKAN MALAYSIA

SEMPENA
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KBS (FEBRUARI 2022)
BERTEMAKAN HARI KANSER SEDUNIA 2022

10.00 PAGI, 22HB FEBRUARI 2022 (SELASA)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

YB. Senator Dato' Sri Ti Lian Ker

Timbalan Menteri Belia dan Sukan

YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan

Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan

YBrs. Puan Ramona Binti Mohd Razali

Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)

YBrs. Encik Abdullah Bin Hasan

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi KBS

Setiausaha-Setiausaha Bahagian KBS

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Keluarga KBS yang saya kasihi.

1. Alhamdulillah, segala pujian dan syukur saya panjatkan ke hadirat Ilahi kerana dengan limpah dan Rahmat-Nya, kita semua dapat berkumpul pagi ini di Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Belia dan Sukan. Ucapan terima kasih saya kepada YBhg. Dato' Ketua Setiausaha dan Pengurusan Tertinggi atas penganjuran majlis ini walaupun dengan kekangan masa yang dihadapi. Terima kasih juga kepada Institut Sukan Negara (ISN) dan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) yang merupakan tuan rumah bersama dalam penganjuran majlis pada hari ini. Walaupun norma baharu membataskan kita untuk sama-sama berkumpul seperti biasa, tetapi kehadiran tuan-tuan dan puan-puan, walaupun hanya secara atas talian, amatlah saya hargai. Penganjuran perhimpunan kali ini juga memberi peluang kepada wakil-wakil agensi di bawah KBS di sekitar *Kuala Lumpur Sports City* (KLSC) dapat hadir sama bersama dengan saya.
2. Tiga tahun kebelakangan ini merupakan tahun yang amat mencabar dan menguji kita semua, khususnya dalam mendepani **pandemik COVID-19**. Dalam menangani cabaran ini, Kementerian Belia dan Sukan telah mengambil beberapa langkah strategik dengan melaksanakan inisiatif-inisiatif berkaitan belia dan industri sukan negara. Kita sedia maklum bahawa Kementerian kita perlu memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan belia dan sukan negara.

3. Dalam keadaan kita dapat berkumpul bersama pagi ini; dan masih diberikan ruang rezeki berkhidmat sebagai penjawat awam – janganlah sesekali kita melupakan ahli keluarga dan rakan-rakan yang terkesan akibat **pandemik Covid-19** dan juga musibah banjir yang melanda negara baru-baru ini. Kita semua menjadi saksi betapa besar dan hebatnya dugaan yang di hadapi oleh mangsa banjir ketika program Sukarelawan KBS tempoh hari. Ramai yang hilang mata pencarian serta harta benda malah ada juga yang kehilangan insan yang tersayang. Kita sedekahkan Al-Fatihah buat mereka yang telah meninggalkan kita.

AL FATIHAH.

Budaya Kerja #KeluargaKBS #KeluargaMalaysia #DemiMalaysia

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Budaya kerja memainkan peranan penting dalam menghasilkan sesuatu kualiti kerja. Ia mempengaruhi mutu kerja individu dan juga masyarakat amnya kerana budaya kerja yang unggul dan cemerlang menjadi asas kepada peningkatan produktiviti dan kualiti sesebuah organisasi.
5. Oleh yang demikian, pembentukan budaya kerja yang berkualiti hanya akan tercapai sekiranya warga KBS mempraktikkan etika kerja yang positif. Manakala, persekitaran kerja yang sihat membolehkan pekerja menjadi lebih bermotivasi, seterusnya dapat menjadi satu faktor dalam peningkatan kecemerlangan KBS.

6. Saya tertarik dengan amanat yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), YBhg. Dato' Sri Mohd Shafiq Bin Abdullah yang telah menyebut mengenai saranan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Bin Ali baru-baru ini, di mana penjawat awam perlu memiliki aspirasi dan keazaman inisiatif baharu melalui penerapan lima nilai iaitu pantas, pengetahuan bertaraf dunia, memberi inspirasi, fleksibel dan berasaskan teknologi (S.W.I.F.T) tatkala negara sedang menuju ke fasa endemik.
7. Kita hendaklah mengamalkan praktis terbaik dari dalam dan luar negara serta mengambil inspirasi daripada tokoh-tokoh yang ternama termasuklah *past experiences* yang boleh mendorong kita meningkatkan usaha dan tadbir urus yang baik. Pelaksanaan secara konsisten akan menjadi amalan dan panduan bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah berkesan, menepati keperluan semasa dengan pantas dan tidak berlengah (*sense of urgency*).
8. Oleh yang demikian, bagi menangkis pandangan yang melabelkan penjawat awam sebagai tidak efisien, semua warga KBS perlu memupuk nilai-nilai positif yang berupaya menjadi inspirasi kepada pihak lain dalam pelaksanaan amanah dan tanggungjawab. Perkhidmatan yang diberikan juga perlu disampaikan dalam bentuk dinamik dan tidak rigid, di samping memanfaatkan perkembangan teknologi semasa.

9. Untuk makluman Keluarga KBS, pada minggu lepas saya telah berkesempatan untuk bertemu dengan Pengerusi, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), YBhg. Tan Sri Zainal Rahim Seman. Saya dan pihak KBS telah mencadangkan kepada beliau berkenaan Pegawai lantikan kontrak di KBS, yang telah berkhidmat melebihi 15 tahun, dan memenuhi syarat pelantikan supaya diberi keutamaan dilantik tetap ke Perkhidmatan Awam. Insya Allah, sama-sama kita doakan agar inisiatif ini dapat dilaksanakan dan memberi manfaat kepada Keluarga KBS.

Hari Kanser Sedunia 2022 bertemakan Rapatkan Jurang Penjagaan Kanser #SupportWorldCancerDay2022

Hadirin Sekalian,

10. Umum sedia maklum bahawa penyakit kanser mampu menyerang sesiapa sahaja tidak mengira warna kulit, kepercayaan agama atau status kita. Inilah mesej utama yang perlu didakap oleh semua warga KBS. Selaras dengan peringatan tersebut, "Rapatkan Jurang Penjagaan Kanser" (*Close the Care Gap*) merupakan satu gerakan positif menyatukan orang ramai untuk bersama-sama membendung penyakit kanser yang kian meningkat, merupakan tema Hari Kanser Sedunia 2022 yang disambut pada 4 Februari setiap tahun.

11. Hasil dapatan yang diperolehi IYRES melalui kajian Indeks Belia Malaysia mendapati bahawa skor keseluruhan kesihatan generasi belia Malaysia hanya berada pada tahap sederhana di mana amalan pemakanan mencatat nilai skor 43.52 berada pada tahap tidak memuaskan. Apa yang lebih membimbangkan adalah data yang

dikeluarkan oleh Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019 menunjukkan 50.1 peratus golongan dewasa di Malaysia berlebihan berat badan atau obes. Ini menggambarkan bahawa generasi belia kurang memberi penekanan terhadap corak pemakanan yang berkhasiat mengikut piramid makanan yang disarankan oleh pakar kesihatan serta mengamalkan pengambilan makanan segera (*fast food*).

12. Selain Indeks Belia Malaysia, data yang diperolehi melalui Indeks Budaya Sukan Malaysia tahun 2018 juga menunjukkan penglibatan golongan belia dalam aktiviti sukan berada pada tahap sederhana (62.4 peratus) dan minat pada aktiviti sukan pula berada di tahap rendah (42.0 peratus). Justeru penyakit berbahaya seperti kanser mudah menyerang apabila tidak mengamalkan gaya hidup yang sihat dan aktif.
13. Pihak KKM menerusi Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) 2021 meletakkan peningkatan taraf kesihatan rakyat Malaysia sebagai keutamaan melalui amalan hidup sihat seperti makan secara sihat dan selamat, tidak merokok, minda sihat, hidup aktif serta kebersihan diri dan kebersihan persekitaran. Sejajurnya saya berbangga dengan inisiatif-inisiatif berterusan yang dijalankan oleh KBS, JBS dan ISN seperti program Hari Sukan Negara dan Fit Malaysia X yang telah banyak mempromosikan pembudayaan sukan di kalangan masyarakat. Secara tidak langsung, program seperti ini menyokong hasrat kerajaan untuk meningkatkan amalan gaya hidup yang mampu mengurangkan kadar pesakit kanser seterusnya menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara.

14. Oleh itu, sebagai tanda sokongan penuh terhadap sambutan Hari Kanser Sedunia tahun ini, saya menyeru semua warga KBS agar mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif. Saya berharap agar perkara ini kita panjangkan kepada ahli keluarga dan juga rakan-rakan kita. Semoga dengan kesedaran dan pengetahuan orang ramai terhadap penyakit kanser dapat membantu mencegah kanser dengan lebih berkesan di negara ini.

Soft Launch ISN Performance Centre

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Warga KBS yang saya kasihi,

15. Selaras dengan peningkatan pencapaian KBS, Institut Sukan Negara (ISN) sekali lagi mencipta sejarah dengan melancarkan *soft launch of ISN Performance Centre atau PPSN 2.0*. PPSN 2.0 ini merupakan pusat pemulihan berkonsepkan *sports science evidence-based approach* yang bertujuan untuk memberikan perkhidmatan sains sukan berbayar kepada kumpulan sasaran yang memerlukan seperti atlet-atlet di luar Program, atlet antarabangsa, penggemar aktiviti sukan dan lain-lain.

16. Berteraskan kepada pengalaman yang luas dalam bidang sains sukan bersama atlet-atlet elit negara, PPSN 2.0 ini menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan sains sukan seperti fisiologi senam, pemakanan sukan, psikologi sukan, suaian fizikal, analisis prestasi dan biomekanik. Selain daripada itu, PPSN 2.0 juga menawarkan perkhidmatan pendidikan sains sukan (konsultasi) seperti perkhidmatan Konsultasi Intervensi Spesifik dan Pengujian; perkhidmatan Perancangan Persediaan Pelan Perkhidmatan Prestasi

Tinggi, Perkhidmatan Liputan semasa kejohanan dan latihan serta lain-lain yang berkaitan.

17. PPSN 2.0 ini yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *Sports Performance X (SPX)* dan *FitMalaysia X (FMX)* yang memberi nafas baru dalam ekosistem sukan negara dengan membuka peluang kepada kumpulan sasaran untuk menikmati perkhidmatan sains sukan berbayar bertaraf dunia. Selain berfungsi dalam merencanakan industri sukan negara, pelaksanaan PPSN 2.0 ini berpotensi memberi nilai tambah dalam penjanaaan dana ISN untuk jangka masa panjang.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

18. Secara tuntasnya, saya ingin menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih khususnya kepada pihak penganjur majlis perhimpunan pada kali ini iaitu Institut Sukan Negara dan IYRES yang telah bertungkus lumus menjayakan majlis pada pagi ini. Saya yakin dengan sokongan daripada semua warga KBS dan semangat Malaysia Boleh, kita mampu memartabatkan sektor sukan negara serta membela warga belia keseluruhannya.

19. Akhir kata, sebagai penjawat awam, kita perlu melaksanakan tanggungjawab yang diberikan dengan penuh amanah, kita beri perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat, *because at the end of the day, We are Rakyat too*. Sesungguhnya apa yang kita lakukan ini adalah sebuah bentuk ibadah, saya berdoa agar niat dan usaha kita ini akan dirahmati dan diberkati oleh Allah SWT.

**Wabillahi Taufiq Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.**

Sekian, terima kasih.